



SOALAN LAZIM XTRA 20

Penamatan Inisiatif Diskaun Tambang KTM Komuter Sektor Lembah Klang dan Sektor Utara

01

Bilakah inisiatif diskaun tambang Xtra20 akan ditamatkan?

31 Disember 2020 (Khamis)

07

Bilakah tarikh akhir pembelian tiket mingguan Xtra20 di sektor Utara?

21 Disember 2020 (Isnin)

08

Mengapakah inisiatif diskaun tambang Xtra20 ditamatkan?

Inisiatif ini dilaksanakan untuk tempoh setahun sahaja, iaitu pada 1 April 2019 hingga 31 Mac 2020. Namun, atas keprihatinan KTMB, inisiatif ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 bagi meringankan beban hidup rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19

09

Bagaimakah cara untuk membuat pertanyaan lanjut berkenaan penamatan inisiatif diskaun tambang Xtra20?

(a) Melalui akaun media sosial rasmi KTMB:

- KTM Berhad
- @ktm_berhad
- ktmbofficial

(b) Hubungi Pusat Panggilan KTMB

- 03-2267 1200
(7.00 pagi – 11.00 malam)

02

Siapakah yang terlibat dengan penamatan inisiatif diskaun tambang Xtra20?

Penumpang dewasa yang berumur 13 hingga 59 tahun yang menggunakan perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang dan sektor Utara

03

Apakah status kad Komuter Xtra20 di sektor Lembah Klang selepas inisiatif diskaun tambang Xtra20 tamat?

Pemegang Kad Komuter Xtra20 boleh terus menggunakan kad tersebut seperti biasa. Walau bagaimanapun, tambang perjalanan akan dicaj dengan kadar tambang tanpa tunai (sama seperti kadar tambang tanpa tunai kad *Touch n' Go*)

04

Bolehkah pelanggan mendapatkan bayaran balik harga pembelian kad Xtra20?

Tiada pemulangan bayaran balik harga pembelian kad Xtra20

05

Bolehkah pelanggan mendapatkan bayaran balik baki nilai simpan dalam kad Xtra20?

Tiada pemulangan baki nilai simpan dalam kad Xtra20 kepada pelanggan. Pelanggan boleh terus menggunakan kad tersebut seperti biasa

06

Berapakah kadar tambang perjalanan penumpang sektor Utara selepas inisiatif diskaun tambang Xtra20 tamat?

Tambang perjalanan akan dicaj dengan kadar tambang tunai sektor Utara. Penumpang boleh mendapatkan tiket mingguan untuk menikmati diskaun tambang perjalanan

SETTINGGI-TINGGI PENGHARGAAN &
TERIMA KASIH
KEPADA ANDA YANG SENTIASA
MENYOKONG KAMI